



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : KESIHATAN, NUTRISI DAN KESELAMATAN  
KANAK-KANAK

**KOD KURSUS** : DEC1043

**PEPERIKSAAN** : JUN 2024

**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:                           **BAHAGIAN A (50 Markah)**  
   **BAHAGIAN B (50 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG **11** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah definisi keselamatan?

- A Tiada ancaman dari luar.
- B Bebas daripada benda yang bahaya.
- C Bebas daripada bahaya atau ancaman.
- D Selamat daripada bahaya atau kencaman.

2. Apakah kepentingan mempunyai laluan pemindahan yang jelas di TASKA atau Tadika ?

- A Kanak-kanak dan kakitangan boleh berlari dari bangunan dengan pantas.
- B Lebih selamat jika berlaku kecemasan seperti kebakaran atau gempa bumi.
- C Kanak-kanak dan kakitangan akan terhindar dari bahaya bila berlaku kecemasan.
- D Kanak-kanak dan kakitangan boleh keluar dari bangunan dengan cepat dan selamat bila berlaku kecemasan.

3. Mengapakah perlu mengadakan latihan keselamatan secara berkala di TASKA dan Tadika ?

- A Bagi mengalakkan kanak-kanak dan kakitangan sentiasa cekap bila berlaku kecemasan di tempat bertugas.
- B Membolehkan kanak-kanak dan kakitangan faham tentang apa itu kecemasan yang selalu datang di tempat kerja.
- C Kanak-kanak dan kakitangan akan membiasakan diri dalam suasana yang bersedia bila berlaku kecemasan yang mendatang.
- D Membantu kanak-kanak dan kakitangan membiasakan diri dengan prosedur kecemasan dan bertindak balas dengan tenang dan cekap dalam kecemasan sebenar.

4. Apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan taman permainan di TASKA dan Tadika ?
- A Sentiasa membuat perubahan pada alatan permainan di TASKA dan Tadika supaya tiada kerosakan berlaku.
  - B Kakitangan hendaklah sentiasa membersihkan taman permainan supaya tiada benda yang berbahaya di taman tersebut.
  - C Jangan terlalu kerap melakukan aktiviti di taman permainan di TASKA dan Tadika bagi memastikan keselamatan kanak-kanak.
  - D Kerap memeriksa peralatan untuk kerosakan, mengekalkan bahan permukaan yang sesuai, dan mengawasi kanak-kanak semasa bermain.
5. Bagaimanakah pendidik awal kanak-kanak boleh menggalakkan kebersihan tangan dalam kalangan kanak-kanak ?
- A Tidak perlu melatih kanak-kanak kerana kanak-kanak sudah mahir mencuci tangan dengan betul.
  - B Melatih kanak-kanak kerap mencuci tangan dengan kerap sabun sebelum dan selepas melakukan aktiviti.
  - C Kanak-kanak perlu mencuci tangan sendiri tanpa pengawasan pendidik sebelum makan dan selepas menggunakan tandas.
  - D Pendidik boleh menggalakkan kebersihan tangan dengan mengajar kanak-kanak teknik mencuci tangan yang betul dan menggalakkan mencuci tangan secara berkala sebelum makan dan selepas menggunakan tandas.
6. Bagaimanakah pendidik awal kanak-kanak boleh mewujudkan persekitaran yang selamat untuk mengelakkan kemalangan dan kecederaan ?
- A Kanak-kanak diberikan pendedahan tentang bahaya bila berlaku kemalangan dan kecederaan oleh pendidik.
  - B Pendidik menjalankan penyeliaan sebulan sekali untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga.
  - C Tiada pemeriksaan dan penyeliaan berkala oleh pendidik bagi memastikan keselamatan di persekitaran kanak-kanak.
  - D Pendidik menjalankan pemeriksaan keselamatan berkala, memastikan penyeliaan yang betul dan mengajar kanak-kanak tentang peraturan dan prosedur keselamatan.

7. Apakah peranan pemakanan dalam menyokong kesihatan kanak-kanak dalam pendidikan awal ?
- A Memaparkan piramid makanan sihat kepada kanak-kanak.  
B Pendidik menawarkan pemakanan snek buat kanak-kanak.  
C Melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti penyediaan makanan sihat.  
D Pendidik menggalakkan tabiat pemakanan sihat dengan makanan berkhasiat, mendidik kanak-kanak tentang kepentingan pemakanan seimbang.
8. Apakah strategi untuk menggalakkan aktiviti fizikal dan senaman dalam persekitaran pendidikan awal kanak-kanak ?
- A Melakukan aktiviti fizikal berstruktur.  
B Mengalakkan kanak-kanak bermain secara aktif di luar kawasan perumahan.  
C Menyediakan ruang aktiviti fizikal kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak terdedah dengan persekitaran yang sihat.  
D Menggalakkan aktiviti fizikal termasuk menyediakan peluang untuk kanak-kanak bermain aktif di dalam dan di luar TASKA dan Tadika.
9. Bagaimanakah pendidik awal kanak-kanak boleh menyokong kesihatan emosi dan mental kanak-kanak di TASKA dan Tadika ?
- A Memastikan ruang aktiviti penuh dengan alatan permainan bagi menggalakkan kanak-kanak bermain sendiri.  
B Menyediakan ruang aktiviti yang menarik minat kanak-kanak bagi membolehkan kanak-kanak berkomunikasi sesama mereka.  
C Sentiasa membawa kanak-kanak ke taman permainan di TASKA dan Tadika bagi menggalakkan kanak-kanak meluahkan perasaan gembira.  
D Mewujudkan persekitaran yang menyokong kemahiran sosial-emosi seperti empati dan komunikasi dan memberi peluang untuk kanak-kanak meluahkan perasaan dan emosi mereka.

10. Apakah komponen utama promosi kesihatan kanak-kanak ?

- i. Akses kepada penjagaan kesihatan, menggalakkan tingkah laku sihat.
- ii. Merancang aktiviti khas untuk promosi kesihatan yang tertentu sahaja.
- iii. Mewujudkan kumpulan sasar bagi mempromosikan kesihatan kanak-kanak kepada segelintir masyarakat.
- iv. Menyediakan vaksinasi dan mewujudkan persekitaran yang menyokong untuk kanak-kanak berkembang maju.

- A i  
B i,iv  
C iii,iv  
D i,ii,iii

11. Bagaimanakah komuniti boleh menyokong usaha promosi kesihatan kanak-kanak ?

- i. Mempromosikan pilihan makanan yang sihat.
- ii. Komuniti boleh menyokong usaha promosi kesihatan.
- iii. Menyediakan persekitaran yang selamat untuk bermain.
- iv. Menawarkan program untuk keluarga terlibat dalam aktiviti fizikal bersama-sama.

- A i,ii  
B i,iv  
C i,ii,iii  
D i,ii,iii,iv

12. Apakah langkah pencegahan yang penting untuk mengawal jangkitan di TASKA dan Tadika ?

- A Menjaga kebersihan tangan kanak-kanak.  
B Membuang semua perlatan permainan kanak-kanak.  
C Menjaga kebersihan keseluruhan ruang kanak-kanak.  
D Menyediakan makanan yang berkhasiat untuk kanak-kanak.

13. Mengapa penting untuk memastikan semua pekerja TASKA dan Tadika mendapat vaksinasi yang sesuai ?

- A** Untuk mempromosikan TASKA dan Tadika.
- B** Untuk meningkatkan populariti TASKA dan Tadika.
- C** Untuk menjaga keselamatan dan kesihatan kanak-kanak.
- D** Untuk melindungi kanak-kanak daripada penyakit berjangkit.

14. Bagaimana cara yang betul untuk membersihkan mainan di TASKA dan Tadika ?

- A** Cuci dengan air suam dan tisu basah.
- B** Rendam dalam cecair pembersih dan lap kering.
- C** Jemur di bawah cahaya matahari untuk menghilangkan kuman
- D** Simpan di dalam bekas untuk mengelakkan kanak-kanak menggunakan permainan tersebut.

15. Apakah yang harus dilakukan jika pekerja TASKA atau TADIKA mengalami jangkitan COVID-19 ?

- A** Meneruskan kerja seperti biasa.
- B** Terus bekerja dengan menggunakan penutup mulut.
- C** Menyembunyi keadaan dari kanak-kanak dan ibu bapa.
- D** Menjalani kuarantin dan menghubungi pihak berkuasa kesihatan.

16. Mengapa penting untuk mempunyai prosedur pengasingan dan pembersihan yang ketat di TASKA dan Tadika ?

- A** Untuk menyenangkan ibu bapa.
- B** Untuk memberikan persekitaran yang kotor.
- C** Untuk memberi lebih banyak kerja kepada pekerja
- D** Untuk mencegah penyebaran jangkitan di kalangan kanak-kanak dan pekerja.

17. Apakah tujuan utama Pendidikan Keselamatan ?

- A** Mencegah kebakaran.
- B** Mengajar teknik bela diri.
- C** Menyediakan panduan mode fashion.
- D** Meningkatkan kesedaran akan risiko keamanan.

**18.** Bagaimana cara berkomunikasi dengan kanak-kanak tentang keselamatan ?

- A** Dengan memberi maklumat yang tepat.
- B** Kanak-kanak tidak perlu tahu tentang keselamatan.
- C** Tidak perlu berkomunikasi dengan kanak-kanak tentang keselamatan.
- D** Dengan menggunakan bahasa yang sesuai usia dan cara mudah kanak-kanak faham.

**19.** Apakah yang harus dilakukan jika berlaku kecemasan di TASKA atau Tadika ?

- A** Tidak perlu melakukan apa-apa.
- B** Menyembunyikan kejadian dari kanak-kanak.
- C** Memanggil bantuan dan meminta pertolongan.
- D** Melarikan diri bersama kanak-kanak ketempat lain.

**20.** Apakah yang seharusnya dilakukan oleh pengasuh/pendidik untuk mencegah berlakukan kecemasan di luar TASKA atau Tadika ?

- A** Membiarakan kanak-kanak bermain di kawasan yang selamat.
- B** Meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan di ruang aktiviti.
- C** Memantau kanak-kanak dengan hanya kamera litar bertutup (CCTV).
- D** Mengawasi kanak-kanak dan memberikan perhatian penuh terhadap kawasan sekitar.

**21.** Bagaimanakah pendidikan keselamatan boleh memberi impak positif kepada pengasuh/pendidik TASKA atau Tadika ?

- A** Mengurangkan tahap profesionalisme.
- B** Menyebabkan peningkatan kadar kejadian kemalangan.
- C** Mengurangkan keperluan untuk penyelenggaraan persekitaran yang selamat.
- D** Meningkatkan kesedaran tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil.

**22.** Mengapakah penting untuk mengawasi kanak-kanak semasa bermain di peralatan dan permainan di TASKA dan Tadika ?

- A Untuk memastikan keselamatan dan mengelakkan kecederaan.
- B Untuk mengelakkan kanak-kanak dari memperolehi kemahiran sosial.
- C Untuk membiarkan kanak-kanak bebas melakukan aktiviti tanpa kawalan.
- D Untuk membiarkan kanak-kanak bermain secara berasingan tanpa pengawasan.

**23.** Apakah langkah pertama yang perlu diambil dalam prosedur tindakbalas kecemasan di TASKA atau Tadika ?

- A Menghubungi pihak bomba.
- B Memanggil ibu bapa kanak-kanak.
- C Membawa kanak-kanak ke ruang yang selamat.
- D Memastikan semua kanak-kanak dan pekerja keluar dari bangunan.

**24.** Apakah tindakan yang sesuai jika terdapat kebakaran di TASKA dan Tadika ?

- A Menyembunyikan diri di dalam bangunan.
- B Membawa kanak-kanak ke bilik tidur mereka.
- C Mengabaikan api dan meneruskan aktiviti seperti biasa.
- D Mengeluarkan semua kanak-kanak dari bangunan menggunakan laluan kecemasan yang dekat.

**25.** Mengapa penting untuk melatih pengasuh/pendidik tentang prosedur tindak balas kecemasan di TASKA atau Tadika ?

- A Untuk memberi hiburan kepada kanak-kanak semasa situasi kecemasan.
- B Untuk memastikan membuang masa dan berkeadaan panik semasa kecemasan.
- C Untuk memberi alasan kepada pekerja untuk tidak mengambil tindakan dalam situasi kecemasan.
- D Untuk meningkatkan kesedaran dan persediaan dalam menghadapi situasi yang tidak diingini.

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pendidikan keselamatan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak daripada potensi bahaya dalam persekitaran harian mereka. Ini melibatkan pengajaran tentang cara untuk mengenal pasti risiko, mengelakkan situasi berbahaya dan bertindak dengan selamat dalam pelbagai situasi. Faktor-faktor seperti keselamatan di rumah, di jalan raya, di sekolah, dan di tempat awam adalah bahagian penting dalam pendidikan keselamatan kanak-kanak.

- a. Jelaskan **lima (5)** polisi keselamatan yang betul dapat menyumbang kepada persekitaran yang selamat di bangunan taska atau tadika.  
(10 markah)
  
- b. Terangkan **lima (5)** kepentingan pendidikan keselamatan kanak-kanak dalam melindungi mereka daripada potensi bahaya dalam persekitaran harian.  
(10 markah)

**SOALAN 2**

Penderaan kanak-kanak adalah masalah serius yang menjelaskan berjuta-juta kanak-kanak di seluruh dunia setiap tahun. Penderaan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk fizikal, emosi dan seksual. Kesannya boleh memudaratkan, bukan sahaja pada zaman kanak-kanak, tetapi juga mempunyai kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan fizikal, mental dan emosi kanak-kanak. Adalah penting untuk meningkatkan kesedaran tentang penderaan kanak-kanak dan mengambil tindakan untuk mencegahnya.

- a. Jelaskan **lima (5)** aspek yang terkandung dalam Akta kanak-kanak 2001?  
(10 markah)
- b. Terangkan **lima (5)** contoh mengenai penderaan fizikal?  
(10 markah)

**SOALAN 3**

Amalan pemakanan yang tidak seimbang boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan kepada kanak-kanak. Ini termasuk kekurangan zat makanan, berat badan berlebihan atau obes, pertumbuhan terjejas dan masalah kesihatan kronik seperti diabetes jenis 2 dan penyakit jantung. Adalah penting bagi ibu bapa dan penjaga untuk memastikan kanak-kanak menerima diet yang sihat dan seimbang, yang merangkumi rangkaian penuh nutrien yang diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan optimum.

- a. Huraikan **lima (5)** kepentingan dalam pemakanan yang sihat?

(10 markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



